

# WABAK TAKLID BUTA, WATAK FANATISME MAZHAB DAN WASILAH IJTIHAD: SATU PENELITIAN TERHADAP PEMIKIRAN ZA'BA

Nordi Achie\*

## Abstrak

Artikel ini mengupas tiga tema utama yang menggerutui landskap pemikiran Muslim pada zaman dekadensi Islam. Pertama, penyakit taklid buta. Kedua, belenggu fanatisme mazhab. Ketiga, kemandulan prakarsa pengijtihadan. kedua-dua persoalan ini akan dicerakin dari perspektif pemikiran reformisme Islam Za'ba. Kajian ini bersifat tekstual. Teks yang dikupas ialah *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*. Sementara aspek pertama menjadi pemunca ketempangan umat Islam khususnya pada zaman imperialisme Barat, tuntutan berijtihad pula merupakan akar tunjang terhadap gagasan kebangkitan semula *ummah*. Za'ba sedar kemelut dekadensi duniawi *ummah* ini bersendiri rangkai dengan keterbantutan dimensi intelektual dan kemandulan ilmu dalam ranah peradaban Islam malah mengakibatkan seluruh umat Muslim diperhambaabdikan oleh kuasa imperialis Barat. Mereka tenggelam dalam aib kemunduran dan cemar penjajahan. Berangkat dengan kesedaran inilah, Za'ba mengkritik kesan negatif wabak bertaklid buta yang menyerang saraf kemandirian dan keagungan *ummah* sezaman, khususnya dalam kehidupan duniawi Melayu. Apakah kritikan yang dihunuskan oleh Za'ba berasas jika dilihat dalam konteks mozek pemikiran Islam yang lebih meluas? Bagaimanakah Za'ba menanggapi nasib dan masa depan pribumi Melayu yang telah terjebak dalam penyakit bertaklid buta, dan apakah saranan bernas Za'ba untuk menggeluti permasalahan yang amat rumit ini? Lantaran itu, siapakah yang menjadi sasaran kritikan Za'ba, dan mengapakah Za'ba “marah-marah” terhadap golongan tersebut? Kesemua persoalan ini akan dikupas dalam perbincangan selanjutnya.

Kata Kunci: Za'ba, Intelektualisme, Progresisme, Kritisisme

---

\* Penulis merupakan Pensyarah Kanan (Sejarah Malaysia Moden) di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

## Za'ba (1895-1973): Mujahid dan Mujtahid

Za'ba dilahirkan pada 16 September 1895, di Kampung Bukit Kerdas, Jempol, Negeri Sembilan. Keluarganya (sebelah bapa) berketurunan Bugis yang terkemuka dari Kepulauan Riau dan berkedudukan tinggi dalam masyarakat Bugis di Linggi. Za'ba mula menerima pendidikan Islam secara informal di rumahnya dan seterusnya mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu dan sekolah Inggeris (St. Paul's Institution, Seremban dan Kolej Melayu Kuala Kangsar). Semasa di St. Paul Institution, Za'ba memperoleh Sijil Senior Cambridge (1915) – pencapaian yang tinggi dalam konteks zamannya. Za'ba mula aktif menulis rencana pada Ogos 1916 terutamanya dalam *Utusan Melayu* dan *Lembaga Melayu*.

Za'ba pernah mengenali tokoh-tokoh reformis Islam tersohor dewasa itu seperti Sheikh Mohd. Tahir Jalaluddin dan Syed Sheikh Al-Hadi. Ketika berkhidmat di MMKK, Za'ba mendekati Khwaja Kamaluddin di England dan Muhammad Rashid Ridha di Mesir. Pemahaman Za'ba tentang gagasan dan perjuangan reformis Islam semakin jelas apabila Za'ba melanggan *Islamic Review* (London) dan *Al-Manar* (Mesir). Kegiatan penulisan Za'ba khasnya kelantangan serta keberanian Za'ba mengkritik British dan golongan feodal Melayu menerusi *Pengasuh*, *Utusan Melayu* dan *Lembaga Melayu*, sehingga awal 1923, di samping keterlibatannya dengan gerakan reformis Islam (Za'ba menjadi anggota The Young Muslim Union Penang [1921] dan Anjumani-i-Islam [cawangan The Muslim Mission England, 1921]), menyebabkan Za'ba mula diawasi oleh British. Pada 1920, bermulanya Za'ba diberikan amaran lisan oleh pegawai pelajaran kolonial, A. Kier, kerana tulisan Za'ba dianggapnya berbahaya.

Setahun selepas itu, Raja Sir Chulan mengarahkan Za'ba memberhentikan kegiatan penulisan. Berikutan itu, Guru Besar MMKK, pergi ke kediaman Za'ba lalu memeriksa bahan-bahan bacaan dan tulisan-tulisan Za'ba. Malah, kenaikan gaji tahunannya disekat sejak 1919, selama hampir lima tahun, sejak berkhidmat di MMKK. Tidak cukup setakat itu, Za'ba ditukarkan ke Kuala Lumpur sebagai penterjemah dan pengarang buku-buku teks sekolah. Za'ba sedar dia menerima tekanan dan penganiayaan daripada pihak kerajaan British yang menderitakan jiwanya; tetapi kesemuanya itu tidak mematahkan gagasan dan perjuangan Za'ba untuk memberikan kepemimpinan pemikirannya menerusi kegiatan penulisan. Za'ba terpaksa menerima kepahitan itu, namun British juga gagal menjinakkan Za'ba.

Di MPSI, Za'ba menghasilkan beberapa buah buku tentang bahasa seperti *Ilmu Bahasa Melayu I* dan *Ilmu Bahasa Melayu II* (1926 dan 1927), *Rahsia Ejaan Jawi* (1929), *Ilmu Mengarang Melayu* (1934). Himpunan ratusan rencananya turut dibaiki, dan diterbitkan dalam *Umbi Kemajuan* (1932) dan *Pendapatan Perbincangan pada Kejadian Perbuatan dan Perusahaan* (1934). Malangnya, buku terjemahannya itu diharamkan oleh Sultan Iskandar Syah (Sultan Perak) lantaran mengandungi “fahaman moden dan bahaya dari segi iktikad kepada orang Melayu”.<sup>1</sup> Bagaimanapun, Za'ba masih terus menyumbangkan tulisannya dalam *Majalah Guru*, *Al-Ikhwān*, *Semangat Islam*, *Bulan Melayu*, *Saudara*, dan *The Malay Mail*.

Za'ba dipindahkan dari MPSI ke Singapura sebagai pegawai di Jabatan Penerangan dan Penyiaran pada September 1939. Dengan ini, bermulalah tugas rasmi Za'ba sebagai propagandis British (bukan atas permintaannya). Za'ba dipertanggungjawabkan untuk menyebarkan sentimen anti Jerman dan anti Jepun. Apabila Jepun menguasai sepenuhnya

1 Adnan Haji Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Berita Publishing, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 20.

Tanah Melayu dan Singapura pada titimangsa 15 April 1942, Za'ba terpaksa berkhidmat pula sebagai propagandis Jepun termasuklah menerusi *Perak Shimibun* dan *Fajar Asia*, serta bukunya, *Peperangan di Tanah Malai* (diterbitkan pada 1943).

Pengalamannya sebagai propagandis politik dua imperialis – British dan Jepun – dalam tempoh 1939 hingga 1945 mendorong Za'ba terlibat aktif dalam histeria politik menyanggah skim penjajahan Malayan Union (1946-1948). Ketika itu, Za'ba berperanan penting menyeru penyatuan perjuangan Melayu menentang Malayan Union. Hasilnya, Kongres Melayu Se-Tanah Melayu diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Za'ba ialah Pengerusi Jawatankuasa Penaja dan Sambutan Kongres, merangkap Ketua Perwakilan Persatuan Melayu Selangor, dan Dato Onn Jaafar menjadi Pengerusi Kongres. Menerusi Kongres inilah terasasnya UMNO. Za'ba terlibat mendraf perlembagaan UMNO. Oleh itu, Za'ba juga merupakan antara pelopor-pengasas UMNO.

Seterusnya, Za'ba juga pernah berkhidmat sebagai Pensyarah Bahasa Melayu di School of Oriental and African Studies, University of London (1947-1950). Dua tahun selepas itu, Za'ba berkhidmat sebagai Pensyarah di Universiti Malaya, Singapura, sekaligus mengetuai Jabatan Pengajian Melayu. Di samping itu, Za'ba terus aktif menulis rencana yang disumbangkannya kepada *Qalam*, *Mastika*, *Juita*, *The Malayan Undergrad* (1955), *Majalah Belia* (1955), *Majalah Kebudayaan* (1955), *Majalah Guru*, *Majalah Bahasa* (1957), *Warta* (1954) dan *Utusan Melayu* (1954).

Za'ba menamatkan kontraknya di Universiti Malaya pada 1958. Kesihatannya semakin terjejas; Za'ba menghidap penyakit jantung. Za'ba masih aktif dalam kegiatan penulisan kira-kira enam tahun selepas bersara di Universiti Malaya. Pada 23 Oktober 1973, Za'ba dijemput berpulang ke pangkuan Tuhannya, ketika berusia 78 tahun. Sumbangannya yang besar dalam lapangan bahasa melayakkan Za'ba dinobatkan sebagai Pendeta Melayu; namun sumbangan dan pemikiran Za'ba lebih meluas cakupannya – bukan sekadar dalam aspek bahasa sahaja. Keterlibatannya dengan gerakan reformis Islam antarabangsa, penentangannya terhadap penjajahan British, kritiknya terhadap kemunduran dan kemiskinan Melayu serta saranannya untuk memajukan bangsa dan tanah airnya, juga melayakkan Za'ba dijulung sebagai Patriot Melayu. Dua karya terpentingnya tentang bahasa ialah *Pelita Bahasa Melayu* (Penggal I, II dan III yang diterbitkan pada 1940, 1946 dan 1949) dan *Ilmu Mengarang Melayu*.

### ***Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri: “Risalah II” dan “Risalah III”***

*Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri (PBKDS)* terbahagi kepada dua bahagian utama: “Risalah II” bertajuk “Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri”. Terdapat empat bab dalam Risalah II iaitu Bab Pertama (Wajibnya Bagi Mendapat Kejayaan), Bab Kedua (Kekurangan Kita Dalam Sifat Ini), Bab Ketiga (Fikiran, Kepercayaan dan Pegangan Agama) dan Bab Keempat, “Bersendiri Pada Ilmu dan Amalan”. Perlu dinyatakan, perbincangan dalam kertas ini berdasarkan “Risalah II” sahaja dan perbincangan mengenai pemikiran Islam Za'ba seperti yang terpancar menerusi Risalah III akan dibincangkan berasingan menerusi kertas yang lain secara “bersendiri” – kebersendirian pada ilmu dan amalan inilah yang disarankan oleh Za'ba menerusi “Risalah II”.

Seterusnya, “Risalah III” yang bertajuk “Kebajikan dan Kejahatan” juga merangkumi empat bab iaitu Bab Pertama (Fahaman Yang Luas), Bab Kedua (Baik dan Jahat Tetap Ada),

Bab Ketiga (Fahaman Yang Sempit) dan Bab Keempat (Kejatuhan Umat Islam dan Jalan Kepulihannya). *PBKDS* bukanlah buku pertama Za'ba yang membicarakan pelbagai isu dan persoalan asas tentang masalah umat Islam. Buku pertamanya mengenai aspek tersebut diterbitkan pada 1932, bertajuk *Umbi Kemajuan atau Falsafah Takdir (Sukatan Azali) dalam Agama Islam*. Buku ini merupakan himpunan rencana yang telah diperbaiki dan disusun semula oleh Za'ba supaya perbincangannya lebih bersepadu. *Pendapatan Perbahasan Ulama pada Kejadian Perbuatan dan Perusahaan* (1934) pula merupakan karya terjemahan Za'ba yang memantulkan gagasan dan pemikiran reformis Islam pada tuas pembicaraannya tentang keumatislaman, tetapi diharamkan oleh pihak British dan Sultan Perak.<sup>2</sup>

*Umbi Kemajuan* atau *Falsafah Takdir* merupakan “Risalah I” (jilid I atau penggal I) daripada beberapa risalah agama yang ditulis oleh Za'ba. Menurut Za'ba, dalam halaman terakhir (halaman 140) *Umbi Kemajuan*, dinyatakan “Risalah I” mempunyai sambungannya “dipenggal yang kedua” – “Risalah II”, dan dinyatakan bab pertamanya ialah tentang “ilmu Allah”. Besar kemungkinan Risalah II – “Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri”, tidak diterbitkan memandangkan buku terjemahan Za'ba (*Pendapatan Perbahasan Ulama pada Kejadian Perbuatan dan Perusahaan*) telah diharamkan penerbitannya. Hamdan Hassan berpendapat buku yang diharamkan itu ialah *Umbi Kemajuan*;<sup>3</sup> tetapi dakwaan ini telah disangkal oleh Za'ba.<sup>4</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan semula *Umbi Kemajuan* pada 1980 (edisi rumi) dengan lebih tersusun. Menerusi penerbitan inilah pihak Dewan Bahasa dan Pustaka menyeru kepada sesiapa yang menyimpan “Risalah II” – “Perangani Bergantung Kepada Diri Sendiri”, supaya dapat diketengahkan untuk disajikan kepada pembaca.

Hamdan Hassan mengatakan Risalah II yang dinanti-nantikan itu akhirnya diperoleh menerusi Puan Zaharah Za'ba, yang mendapatkannya dari badan penerbit di Pulau Pinang (mungkin Sinaran Brothers). Hamdan Hassan menghujahkan bahawa Risalah II yang diserahkan oleh Puan Zaharah itulah sebenarnya Risalah II yang Za'ba maksudkan; dengan beberapa pindaan dari segi tajuk, isi dan bahasanya yang dilakukan oleh Za'ba pada 1962.<sup>5</sup> Bilakah Risalah II mula ditulis oleh Za'ba? Jawapannya yang tepat telah bersemadi bersama jasad Za'ba - besar kemungkinan pada awal 1930-an khasnya dalam tempoh ketika menyiapkan dua buah bukunya yang awal tadi (atau selepasnya). Perlu dinyatakan, buku ini mempunyai sejarah silamnya dan keistimewaan yang tersendiri kerana sebahagian besar inti patinya ditulis sekitar 1930-an dan diperbaiki oleh Za'ba pada awal 1960-an, sebelum diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada 1982. Justeru, buku ini merakamkan pemikiran Islam Za'ba untuk jangka tempoh sekitar suku abad, sebelum kepergiannya ke hadrat Tuhan pada 1973.<sup>6</sup>

2 Adnan Haji Nawang, *Za'ba dan Melayu*, hlm. 20 dan 46 (lihat nota kaki 118).

3 Hamdan Hassan, “Pengenalan”, dalam Pendita Za'ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, hlm. viii-ix.

4 Adnan Hj. Nawang, *Za'ba dan Melayu*, hlm. 46 (lihat nota kaki 118).

5 Hamdan Hassan, “Pengenalan”, dalam Pendita Za'ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, hlm. ix-xi.

6 Perbincangan mengenai pemikiran Islam Za'ba pernah diusahakan oleh beberapa sarjana seperti (sekadar menyebut beberapa nama) Adnan Hj. Nawang, Wan Kamaruddin Wan Zailan, Arbaiyah Mohd. Nor dan Abdul Rahman Abdullah. Kajian yang autoritatif tentang pemikiran Za'ba (merangkumi Islam, ekonomi, pendidikan, bahasa dan politik) telah diusahakan oleh Adnan. Terutamanya menerusi Bab 5: Za'ba dan Masalah Melayu (*Za'ba: Patriot dan Pendeta Melayu*) dan Bab 2: Za'ba dan Ajaran Reformis Islam Kaum Muda (*Za'ba dan Melayu*), Adnan membincangkan pemikiran Islam Za'ba dengan membahagikannya

## Taklid Buta dan Tuntutan Berijtihad: Kejumudan Pemikiran, Kemandulan Ilmu dan Kemelaratan *Ummah*

Bersendirilah [berdikari] seberapa bolehnya baik dalam perkara dunia dan pada perkara agama. Pada segala kerja dan amalan[,] buatlah sendiri, usahakan sendiri, jangan bergantung semata-mata kepada usaha dan pertolongan orang. Pada segala ilmu dan fikiran dan kepercayaan[,] tahqiqkan [cerakin] sedapat-dapatnya dengan pemeriksaan sendiri, siasat selidik sendiri, fikir-fikirkan sendiri dan timbangkan sendiri barang sesuatu apa sebelum ditolak atau diterima [penulis: jangan membiarkan diri kita dipengaruhi dan terpengaruh oleh orang lain sewenang-wenangnya]. Di mana-mana yang boleh atau perlu[,] berjihadlah sendiri dengan sepenuh-penuh tenaga dan kebolehan – istimewa pula apabila berbangkit sesuatu hal yang musykil atau sesuatu masalah baharu yang berlainan hal-chwalnya daripada yang sudah-sudah pada zaman dahulu.<sup>7</sup>

Petikan di atas dengan sendirinya menjelaskan asas makna “perangai bergantung kepada diri sendiri” dalam hubungannya dengan dekadensi dunawi dan rohani umat Islam di seluruh dunia dewasa itu. Terangku secara khas dalam kerangka dekadensi tersebut ialah “orang-orang awam” dan “orang-orang alim” Melayu yang dilihat oleh Za’ba terbelenggu dengan taklid buta<sup>8</sup> dalam urusan duniawi dan ukhrawi mereka. Lantaran itulah, Za’ba

---

kepada dua tajuk: “Persoalan Iktikad Agama (Za’ba: *Patriot dan Pendeta Melayu*, hlm. 119-121) dan “Iktikad Agama” (Za’ba dan *Melayu*, hlm. 74-99) serta “Ijtihad Dalam Islam” (Za’ba: *Patriot dan Pendeta Melayu*, hlm. 121-123) dan “Ijtihad dan Taklid” (Za’ba dan *Melayu*, hlm. 79-80). Dalam kajian awalnya, Za’ba: *Patriot dan Pendeta Melayu* (hlm. 123-124), perbincangan tentang “Konsep Qadak dan Qadar dalam Islam” diasingkan daripada “Persoalan Iktikad Agama”; tetapi dalam buku terbarunya, konsep qadak dan qadar dibincangkan sekaligus di bawah tajuk “Iktikad Agama”. Justeru, dari aspek ini, buku terbarunya itu tidaklah juga berbeza dengan buku pertamanya tadi. Jika diperhalusi dan dibandingkan kedua-dua kajiannya tentang aspek di atas, pada keseluruhan isinya tidaklah begitu berbeza - melainkan daripada aspek ayat dan pendekatan perbincangan. Isi perbincangan masih berkisar kepada aspek yang sama. Contohnya, di bawah tajuk “Persoalan Iktikad Agama” dan “Iktikad Agama”, aspek yang sama diulangi seperti (antaranya) iman, ibadat, zikir, tasbih, zuhud, pemisahan ilmu, penulisan kitab agama dan kebencian kepada dunia. Begitu juga di bawah tajuk “Ijtihad Dalam Islam” dan “Ijtihad dan Taklid”; persoalan yang sama juga diulangi seperti (antaranya) kesan taklid, kepentingan berjihad, punca bertaklid serta kesan dan kepentingan mazhab; sementara pengaruh pemikiran tokoh-tokoh reformis Islam terhadap Za’ba hanya disentuh dalam buku keduanya – ini satu aspek yang baharu dalam bukunya itu. Dalam kedua-dua kajiannya itu, Adnan merujuk kepada tulisan-tulisan Za’ba pada peringkat awal kegiatan penulisannya (1916-1923) terutamanya yang tersiar menerusi *Utusan Melayu*. Adakah Adnan telah meneliti keseluruhan kandungan *PBKDS*? Perlu ditegaskan di sini rangkuman pemikiran Islam Za’ba khususnya tentang taklid buta dan ijtihad lebih meluas cakupan dan penjelasannya berbanding rencananya yang tersiar menerusi *Utusan Melayu*, sekitar 1919-1920. *PBKDS* merupakan himpunan rencana Za’ba yang tersiar menerusi *al-Ikhwan* dari 16 April 1928 hingga 16 Julai 1929 (Za’ba dan *Melayu*, hlm. 90 [nota kaki 87]). Pada hemat penulis, kemungkinan Adnan terabaikan kumpulan rencana Za’ba yang tersiar menerusi *Al-Ikhwan* lantaran berpendapat sudah memadai dengan merujuk kepada *Utusan Melayu*. Apakah asas yang menyebabkan Adnan lebih mengutamakan *Utusan Melayu* berbanding *Al-Ikhwan*, tidaklah dapat dipastikan. Akibatnya, terdapat juga tafsiran Adnan tentang pemikiran Islam Za’ba tidak tepat seperti yang akan disentuh selanjutnya.

7 Pendita Za’ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, hlm. 50.

8 Menurut Fazlur Rahman, taklid buta ialah “unquestioning acceptance of authority”. Lihat bukunya, *Islamic Methodology in History*, Central Institute of Islamic Research, Karachi, 1965, hlm 152. Adnan Hj. Nawang, *Za’ba dan Melayu*, hlm. 91 (nota kaki 96).

mengkritik kesan negatif bertaklid buta dan mempertegas kepentingan berjihad<sup>9</sup> serta berjihad<sup>10</sup> untuk meraih kemajuan duniawi dan kebahagiaan ukhrawi, berpasakkan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah,<sup>11</sup> sejajar dengan hakikat Islam sebagai *ad-din*.<sup>12</sup> Seterusnya, Za'ba mengingatkan:

Sekalian yang disebutkan ini [kritikan terhadap taklid buta dan tuntutan berjihad] bukanlah<sup>13</sup> pula ertinya semua orang hendaklah jadi “mujtahidin” seperti Imam-Imam Mujtahidin dahulu kala itu belaka. Ya, kalau dapat demikian tentulah sebaik-baiknya, tetapi di sini bukan begitu yang dimaksudkan. Hanya yang terutamanya dikehendaki ialah tiap-tiap orang Islam yang berpelajaran patut biasa sebanyak sedikit memakai akalanya sendiri [untuk] menguji dan menimbang benar salahnya barang sesuatu pegangan agama yang diterima dan diperpegangnya itu; jangan pakai itu serta talkid buta sahaja dengan tiada mengerti jalan-jalan benarnya dan punca pengambilannya. Tiap-tiap seorang sayugialah ada upaya meimbang sendiri dahulu dengan akalanya dan ilmu pengetahuannya (seberapa ada) barang apa jua ajaran agama. Ia patut berbuat pada soal-soal agama itu seperti pada hal-hal dalam perkara dunia juga.<sup>14</sup>

Tetapi yang terutama sekali lebih berwajib menimbang dan menguji sendiri itu ialah bagi orang yang ada kelayakan ilmu pengetahuan serta ada latihan menjalankan akal dan siasat selidik sendiri dalam kerja mencari dan menerima kebenaran [terutamanya] apa-apa jua ajaran agama dengan neraca akal dan dengan ujian ilmu pengetahuan yang telah disaksikan betulnya ... setelah diuji dan ditimbang ... mana-mana yang didapati sebenarnya betul terimalah dan amalkan. Tetapi mana-mana yang kurang tepat rasanya [apa lagi salah dan sesat] siasatlah lagi hingga ke pangkal, timbang semula dari asal usulnya mengikut pedoman Quran dan Sunnah [yang] dipertentangkan [dihadapkan] dengan ilmu pengetahuan yang ada, serta dipertimbangkan [dengan] ... keadaan hal [masyarakat semasa] dan perubahan zaman.<sup>15</sup>

- 
- 9 Al-Syaukani mentakrifkan ijtihad sebagai mencurahkan segala kemampuan untuk mendapatkan hukum syarak yang bersifat praktikal dengan cara istinbat (mengambil kesimpulan hukum). Untuk perbincangan lanjut, lihat (misalnya) Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, “Konsep Ijtihad Dan Hubungannya Dengan Konsep Khatam Al-Nabiyin”, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 4, Mei 1996, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm. 163-173.
  - 10 Jihad bererti berusaha dengan bersungguh-sungguh; perjuangan dengan lisan, tulisan, nyawa dan harta benda serta senjata. Untuk pelbagai definisi lanjut jihad, lihat (misalnya) Amat Juhari Moin, *Jihad Dan Pengertiannya*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, Bab 2 dan Bab 3.
  - 11 Maksud firman Allah: “Barangsiapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah [al-Quran], maka mereka itu adalah orang-orang yang kafir”. Surah al-Maidah: Ayat 44. Dipetik daripada Al-Syahid Sayyid Qutb, *Manhaj Hidup Muslim*, hlm. 37.
  - 12 Al-Maududi merumuskan *ad-din* sebagai “satu istilah yang mencakup seluruh aspek kehidupan yang sempurna”. Untuk perincian definisi yang rencam tentang *ad-din*, lihat Abul A’la Al-Maududi, *Empat Istilah Dalam Al-Quran*, Pustaka Nasional, Singapura, 1989, Bab 4.
  - 13 Dihitamkan perkataan dalam teks untuk mengisytarkan penekanan oleh penulis sendiri.
  - 14 Perhatikan, ayat ini nampaknya mencabar kewibawaan ulama Kaum Tua (“pada soal-soal agama”) dan frasa “pada hal-hal dalam perkara dunia” itu pula mencabar kekuasaan British dan kedudukan golongan aristokrat feodal Melayu.
  - 15 Pendita Za’ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, hlm. 33-34.

Kepada golongan yang layak berjihad, Za'ba menyarankan kepada mereka supaya “sentiasa berusaha menambah lagi ilmu pengetahuannya itu dan memperdalamnya dengan mencari alat-alat [ilmu] perkakas lain yang baharu” supaya “bertambah kelayakan dan kebolehannya lagi”. Kepada golongan yang tidak layak berjihad pula, “janganlah sekali-kali ia berpuas hati sahaja” dengan kelemahan dan kekurangannya itu kerana Islam mewajibkan umatnya menuntut ilmu dan memajukan diri mereka. Terlebih penting lagi, “janganlah sentiasa mengaku dan mengikrarkan dirinya tiada kelayakan” dan “tiada harapan akan dapat kelayakan”<sup>16</sup> melainkan sikap ini pun menjerumuskan mereka menjadi “bodoh dan tongong”.<sup>17</sup> Sebaliknya, hendaklah mereka “berusaha bersungguh-sungguh mendapatkan seberapa banyaknya” ilmu pengetahuan yang “memberi dia kelayakan yang dikehendakkan itu”. Persoalannya ialah adakah golongan yang sedang dalam proses mencari kelayakan berjihad juga dituntut berjihad? Za'ba menjelaskan:

Tiap-tiap orang ada mempunyai alat suluhan akal dan boleh menggunakan suluhan itu bagi menimbang mana perkara yang patut dan mana yang tidak, sebagaimana yang disuruh di dalam Quran akan tiap-tiap seorang menggunakan dan menjalankan akalnya. Tambahan pula jika ia seorang yang sudah ada juga sebanyak sedikit mendapat pelajaran dan pengetahuan dalam cawangan pengajian lain-lain [ilmu termasuklah selain agama] tentang mengenal benar dan salah dan membezakan betul dengan tiada betul, walaupun pengetahuannya itu bukan dari segi agama. Bagi orang yang demikian memang sepatutnya ia mencuba melakukan kesendiriannya atas kadar sekuasanya, yakni seberapa jauh yang boleh tersampaikan oleh ilmu pengetahuannya itu. Hanya syaratnya jangan ia mengikut kecenderungan sedap hawa nafsu, tetapi hendaklah mengikut timbangan yang insaf dan adil, dan bersungguh-sungguh hendak mencari kebenaran.<sup>18</sup>

Petikan ini dengan jelas menunjukkan nekad Za'ba untuk menyanggah amalan bertaklid buta; tidak ada ruang dan peluang untuk melepaskan diri daripada tuntutan jihad memperluas ilmu pengetahuan dan kewajiban berjihad. Mengapakah Za'ba menghujahkan dengan bersungguh-sungguh menentang amalan bertaklid buta? Za'ba mempunyai jawapannya yang bernas: Pertama, ayat-ayat Al-Quran<sup>19</sup> sendiri menuntut manusia “menjalankan [menggunakan] akal” dan “menimbang dengan fikiran kamu sendiri”, dan bukannya bertaklid buta.<sup>20</sup> Kedua, amalan bertaklid buta “tidak akan mencelikkan akal” dan tidak pula “memajukan kebolehan berfikir”, padahal inilah “antara sebesar-besar nikmat Tuhan kepada manusia”.<sup>21</sup> Di sinilah terletaknya asas dan punca kejatuhan umat Islam seluruhnya.<sup>22</sup>

---

16 *Ibid.*, hlm. 35.

17 *Ibid.*, hlm. 27.

18 Pendita Za'ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, hlm. 35-36.

19 Mengenai peranan al-Quran sebagai punca ilmu kepada perluasan pintu dan dimensi pemikiran manusia (“Human Mind”) di samping kepentingan hadis (sahih) sebagai pentafsir al-Quran dengan kedudukannya sebagai asas “Mental Function”, lihat Muhammad Abd. Rauf, *The Muslim Mind: Foundation And Early Manifestation*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Bab 1.

20 Pendita Za'ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, hlm. 23.

21 Pendita Za'ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, hlm. 35.

22 Menurut Ismail al-Faruqi, punca kejatuhan umat Islam dalam kerangka yang lebih mendasar disebabkan oleh tiga asas utama: Dari segi politik, “umat Islam sendiri berpecah belah kepada 42 buah negara bangsa dan mudah diperkotak-katikkan oleh kuasa-kuasa besar”. Dari aspek ekonomi, “dunia Islam merupakan

Adnan Nawang, dalam rumusannya terhadap kritikan Za'ba mengenai amalan bertaklid buta dan tuntutan berjihad menyatakan, "Za'ba berpendapat bahawa setiap manusia itu mujtahid (layak berjihad) bagi dirinya pada perkara yang boleh ia berjihad, setakat kesempaan akal dan ilmunya".<sup>23</sup> Rumusan di atas tidak menepati inti pati pemikiran Islam Za'ba kerana Za'ba membataskan adanya golongan (individu) tertentu yang tidak mempunyai keupayaan dan kelayakan berjihad; malah Za'ba juga menegaskan bahawa bukanlah maksudnya untuk menjadikan kesemua umat Islam sebagai mujtahidin belaka seperti yang terpancar menerusi petikan terawal dalam perbincangan ini. Pendapat ini diulangi oleh sarjana tersebut dalam kajian terbarunya mengenai aspek yang sama.<sup>24</sup> Terdapat juga sarjana yang memberikan tafsiran melulu terhadap pemikiran teologi Za'ba. Syafie Ibrahim menyifatkannya sebagai "theological adventurisme" lantaran Za'ba dikatakan "terlalu memberi kebebasan atau hak kepada manusia" untuk berjihad.<sup>25</sup> Apakah tafsiran ini berasas? Tidak, bahkan bercanggah dengan tulisan Za'ba seperti yang dipetik dalam kertas ini.<sup>26</sup> Namun, Adnan semacam bersetuju dengan tafsiran Syafie kerana dia tidak memberikan apa-apa kritikan bernas dan berasas untuk menilainya semula.

Perbincangan yang awal tadi menyentuh kepentingan "sifat bergantung kepada diri sendiri" dalam urusan keduniaan dan ibadat. Namun, kerangka dasar pemikiran Islam Za'ba tentang peri mustahaknya sifat tersebut diperlanjut mencakupi "hal-hal fikiran", "kepercayaan" dan "fahaman-fahaman agama".<sup>27</sup> Bertaklid buta dalam ketiga-tiga aspek ini juga disanggah oleh Za'ba; sebaliknya "wajib" dipertimbangkan dengan "akal dan ilmu pengetahuan kita" sendiri. Za'ba menegaskan "kita tidak disuruh bertaklid buta" melainkan "jika kita jahil pekat" lantaran "tiada mempunyai barang sedikit ilmu pengetahuan dan fikiran sendiri". Sekiranya kita mempunyai "akal dan pengetahuan", Za'ba menegaskan "kita wajib seberapa boleh menimbang" dan janganlah "menerima sahaja dengan tiada soal jawab" serta "tiada mengerti hujung pangkal akan apa-apa yang diterima itu". Sikap sedemikianlah yang Za'ba maksudkan "perangai bergantung kepada diri sendiri" kerana Al-Quran itu sendiri diturunkan

---

tempat longgokan barangan asing dan teknologi siap guna – suatu kebergantungan yang melumpuhkan ekonomi mereka". Dari dimensi budaya, "umat Islam dijadikan watak-watak cemuhan orang Barat, dan umat Islam pula "terpisah dari jiwa Islamnya dan alpa dengan warisan Islamnya". Lihat M. Tariq Quraishi, *Isma'il Al-Faruqi: Warisan Zaman yang Abadi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 18. Buku ini diterjemahkan oleh Ahmad Shah Mohd. Noor. Lihat juga perspektif dan pendekatan kupasan yang lebih menarik dan berbeza menerusi buku yang ditulis oleh Abul Hasan Ali Al-Hasany An-Nadwy, *Kerugian Dunia Kerana Kemunduran Umat Islam*, Pustaka Nasional, Singapura, 1984. Buku ini diterjemahkan oleh Bey Ariffin dan Yunus Ali Al-Muhdlar. Lihat juga Imam Munawwir, *Mengapa Umat Islam Dilanda Perpecahan*, Pustaka Nasional, Singapura, 1985.

- 23 Lihat bukunya, *Za'ba: Patriot dan Pendeta Melayu*, Yayasan Penataran Ilmu, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 122.
- 24 Lihat bukunya, *Za'ba dan Melayu*, hlm. 79.
- 25 Dipetik daripada Adnan Hj. Nawang, *Za'ba dan Melayu*, hlm. 78-79 dan 91 (nota kaki 96).
- 26 Peranan dan kedudukan akal dengan agama juga pernah dikupas oleh sarjana-sarjana Islam kontemporari. Menurut Yusuf al-Qarhdawi: "tidak adanya pertentangan antara akal dan wahyu" tetapi ini tidak bermakna "akal lebih tinggi kedudukannya" berbanding wahyu [al-Quran dan hadis]". Dipetik daripada bukunya, *Permasalahan Umat Islam Masa Kini*, hlm. 96. Meskipun Za'ba terlibat dalam gerakan reformis Islam, tetapi bukan kesemua pendapat rakan-rakannya seperti Muhammad Abduh dan Sheikh Tahir dipersetujui oleh Za'ba – dia mempunyai pendirian dan pendapatnya tersendiri juga.
- 27 Pendita Za'ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, hlm. 23.

oleh Allah kepada manusia untuk difahami menerusi “pintu akal nya” dan “mata hatinya”.<sup>28</sup> Bahkan, “Tuhan selalu mencela keras” orang yang mengikut dengan membuta tuli sahaja - tidak terkecuali golongan ulama yang malas berfikir dan mengambil jalan singkat dengan bertaklid buta terhadap “pendapat orang dahulu-dahulu dengan tiada ditimbang lagi salah benarnya”. Malah, mereka terus bertaklid buta meskipun pendapat ulama terdahulu itu sendiri “berlawanan dengan akal fikiran yang insaf” dan “bersalahan dengan ilmu pengetahuan yang sah betul nya [pula]”.

Islam menuntut umat nya berfikir dengan “ilmu yang sah betul nya”, dan Za’ba, selari dengan tuntutan tersebut, menggesa supaya pendapat-pendapat yang lama “diperiksa betul atau tidak betul nya”. Tidak ada faedahnya “berdegil mengikut jalan” yang salah termasuklah “pendapat orang dahulu-dahulu”. Mereka bukanlah Nabi dan Rasul. Hanya Nabi dan Rasul sahaja yang maksum. Pendapat yang salah mesti ditinggalkan dan yang betul (benar) perlu diperbaiki supaya lebih sesuai pula dengan peredaran zaman. Malah, “imam Mujtahidin” tidak pernah menyuruh sesiapa pun bertaklid dengan pendapat nya, apatah lagi Allah dan Rasul-Nya. Sebaliknya, anak murid mereka dituntut “menyelidik sendiri, memeriksa sendiri” dan “menimbang sendiri dengan teliti pendapat dan keputusan yang telah mereka peroleh”. Mengapakah “Sekalian imam Mujtahidin” menegaskan dan mengingatkan kepada anak murid mereka supaya jangan secara wenang terus bertaklid buta dengan pendapat nya? Jawapannya jelas, mereka juga tidak sunyi daripada “tersilap dan tersalah”. Za’ba menjelaskan:

Sungguhlah sebagai ulama mereka sekalian jadi waris kepada nabi-nabi; tetapi itu tidaklah memestikan sifat maksum pada diri mereka dan pada segala-gala pendapat fahaman mereka. Maka sebab itu tidaklah pernah mereka mendakwa sekalian pendapat dan fahaman yang telah mereka keluarkan itu [fatwa] tentu betul sahaja dan mesti disetujui oleh orang sekalian atau semuanya tetap layak dan sesuai kelak bagi segala hal dan zaman hingga bila-bila pun ... Jika didapati betul[,] bolehlah ikut; jika tidak betul atau tidak sesuai lagi, buanglah atau baiki akan dia [pendapat dan fikiran lama].<sup>29</sup>

Za’ba menyelar golongan ulama khas nya yang hanya bertaklid buta - melainkan golongan yang tidak mempunyai fikiran dan ilmu - tidak ada bezanya dengan “Si Dungu yang bebal” yang “bodoh dan tongong” pula. Di sinilah terletak nya kelemahan dan kesilapan orang Melayu khas nya kerana “bertaklid pada beberapa banyak hal dalam kehidupan sehari-hari” sama ada dalam urusan dunia atau agama termasuklah dalam kalangan ulama sendiri.<sup>30</sup> Bagaimanapun, malah perlu dinyatakan di sini, Za’ba menegaskan tidak ada salah nya bertaklid dengan “sesuatu ilmu yang telah disahkan betul nya oleh orang-orang yang ahli di dalam nya” dengan syarat, pertaklidan itu berasaskan kepada “pengetahuan dan timbangan juga” – bukannya taklid buta.<sup>31</sup> Taklid yang diterima oleh Islam ialah taklid bersyarat; bermakna taklid itu “boleh diubah” sekiranya “ada diperoleh keterangan-keterangan lain yang lebih memuaskan kemudian [hari] kelak” berperdukan “akal dan ilmu pengetahuan” dari semasa ke semasa. Za’ba berpendapat “sedapat-dapat nya” pertimbangan terhadap pendapat itu [lama atau baharu] hendaklah dilakukan dengan “akal dan pengetahuan sendiri”.

---

28 *Ibid.*

29 Pendita Za’ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, hlm. 25-26.

30 *Ibid.*, hlm. 27.

31 Pendita Za’ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, hlm. 28.

Oleh itu, jelas Za'ba menuntut umat Islam berjihad untuk menuntut pelbagai cabang ilmu yang termampu olehnya supaya mereka dapat memikir dan menimbang sendiri pendapat yang dihadapkan kepada mereka. Sekiranya mereka lemah dari segi ini – akal dan ilmu pengetahuan – akibatnya umat Islam akan “menelan mentah-mentah barang apa sahaja yang dikatakan orang itu dengan tiada [dapat] menimbang-nimbang lagi”. Dari segi ini, Za'ba memahami kejatuhan umat Islam ternyata disebabkan oleh kemunduran mereka dalam aspek ilmu pengetahuan yang mengakibatkan mereka dibelenggu kejumudan pemikiran dan stigma keilmuan – akibat bertaklid buta “pada apa-apa perkara pun” menyangkut hal dunia malah keakhiratan ekoran pemasangan pintu ijihad pada abad yang keempat Hijrah.<sup>32</sup>

Za'ba mendapati hampir-hampir keseluruhan “tiap-tiap diri” umat Islam dan pribumi Melayu khasnya hanya bertaklid buta. Mereka menjadi manusia yang hampir-hampir tidak mempunyai “akal dan ilmu pengetahuan” yang dapat mendayaupayakan mereka untuk menimbang “apa-apa perkara” dengan menggunakan “akal dan ilmu pengetahuan sendiri”. Bergantung harap dengan segelintir golongan yang mempunyai “akal dan ilmu pengetahuan sendiri” itu pun telah menandakan kejatuhan dan ketempangan umat Islam. Terlebih baiknya, hampir-hampir keseluruhan umat Islam mempunyai kemampuan “akal dan ilmu pengetahuan sendiri” supaya penyakit bertaklid buta dapat dibasmi. Jika direnung sedalam-dalamnya, ini bukanlah sekadar cabaran kepada umat Islam, malah kewajiban terhadap setiap individu Muslim dalam “apa-apa sahaja [bidang] ilmu pengetahuan”<sup>33</sup> yang terdaya mampu oleh mereka – bukankah menuntut ilmu itu wajib ke atas setiap Muslim?

Secara idealnya, Za'ba mahu setiap individu Muslim itu, sedapat-dapatnya, menjadi pakar dalam pelbagai bidang, namun kalaupun tidak mampu, sekurang-kurangnya pakar dalam satu-satu bidang; dan ini lebih baik daripada langsung tidak mempunyai apa-apa kepakaran. Misalnya, Za'ba sendiri merupakan pakar dalam bidang bahasa (Melayu). Sehubungan itu, terlebih baik sekiranya umat Islam umumnya dan bangsa Melayu khasnya mempunyai pakar politik, ekonomi, sejarah, geografi, geologi, falsafah, teologi, fekah, perundangan, kehakiman, kedokteran, kejurubinasenian, kejuruteraan, persenjataan dan sebagainya. Dengan ini, mereka dapat hidup “merdeheka dan bersendiri” - tanpa bergantung dan cuak dengan sesiapa pun - sebagai umat dan bangsa yang kuat, kaya dan maju.

Seterusnya, Za'ba menggariskan enam sifat jumud dan jahil “orang-orang awam” dan “orang-orang alim” yang bergantung harap dengan orang lain serta bertaklid buta pada “amalan dan fikiran” dalam urusan dunia dan akhirat. Pertama, “orang-orang awam” yang “lemah pada mengerjakan amal ibadat” sehingga hendak mengangkat doa pun berharap kepada doa tok-tok lebai, tok-tok guru dan tok-tok alim” selain berharap dengan “sedekah tahlil mereka itu”. Manakala, bagi golongan yang berada, mereka sanggup “mengupah” golongan “orang-orang alim” semata-mata muntuk “mengerjakan amal ibadat”. Walhal, Islam menuntut “tiap-tiap seorang ... berusaha sendiri mengerjakan amal-amal baik untuk ibadatnya dan menjauhi amal-amal yang jahat”. Sekiranya setiap orang beramal kepada ajaran ini, dengan sendirinya kejahatan dapat dikurangkan. Kedua, “orang-orang

---

32 Untuk latar belakang zamannya, lihat (antaranya) Abbas Husni Mohamad, *Perkembangan Fiqh Islam*, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 41-51. Buku ini hasil terjemahan Mohd. Asri Hashim. Tajuk asalnya *Al-Fiqhul-Islami*. Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, “Konsep Ijtihad Dan Hubungannya Dengan Konsep Khatam Al-Nabiyyin”, hlm. 163-173.

awam” hendaklah “bersedia memikul tanggungjawabnya sendiri di hadapan penghakiman Tuhan”; bukanlah semata-mata mengharapakan “doa arwah”, “sedekah tahlil” dan *fidyah* (tebusan) daripada waris yang masih hidup serta syafaat daripada Nabi semata-mata. Za’ba melihat umat Islam umumnya tidak berdikari dan bermandiri dalam kedua-dua urusan iaitu dunia dan akhirat. Ketiga, “orang-orang awam” hendaklah melepaskan kebergantungan mereka dengan “orang-orang alim” ulama Kaum Tua yang disifatkan oleh Za’ba sekadar menjadi “belalang di tempat yang tiada helang” lalu mengakibat “orang-orang awam” hanya “terpaksa menerima sahaja apa-apa yang dikatakan oleh mereka itu”. Kebergantungan itu Za’ba merupakan sikap “jahil”, “tercela” dan “menghilangkan kesendirian”, tegas Za’ba lagi.

Saranan Za’ba ialah hendaklah mereka berusaha “sedapat-dapatnya” - jika tidak mampu juga, sekurang-kurangnya ada “hemah untuk mencapai kelayakan lambat bangatnya” - menuntut “bahasa agama[Arab]” dan ilmu keagamaan sehingga membolehkan mereka “mengambil faham sendiri akan hal-hal agama Islam terus dari perbendaharaannya yang asal sekali”, iaitu Al-Quran dan Sunnah. Dalam konteks kejumudan umat Islam dewasa itu, Za’ba menghukumkan menuntut “bahasa persuratan Arab” itu “fardhu ain”, bukannya “fardhu kifayah lagi”. Saranan sedemikian tentulah mencabar kedudukan dan kewibawaan ulama Kuam Tua yang memonopoli bahasa Arab dan ilmu-ilmu keagamaan. Za’ba membidas kelemahan ulama Kaum Tua kerana mereka juga bertaklid buta dan mengajarkan pula “orang-orang awam” supaya bertaklid buta dalam urusan dunia dan akhirat.<sup>34</sup>

Kejumudan dan kejahatan “orang-orang alim” juga meliputi tiga aspek. Pertama, mereka bertaklid buta dengan “semua perkara agama dan hukum-hukumnya” serta “keputusan-keputusan imam-imam Mujtahidin” dalam “kitab-kitab karangan mereka itu”. Sikap bertaklid buta seperti ini, menurut Zaa’ba, “tidaklah selayaknya bagi orang yang bergelar “alim ulama”” lantaran hanya “mesti menerima sahaja akan fahaman dan fikiran dan keputusan orang-orang dahulu itu”. Sikap fanatik terhadap imam-imam Mujtahidin inilah yang membawa kejumudan dalam kehidupan beragama dan kemunduran umat Islam. Za’ba mencabar mereka dengan menegaskan: “Pakailah juga pemeriksaan sendiri” hatta “keputusan-keputusan imam-imam Mujtahidin sekalipun” perlulah “diperiksa dan ditimbang dahulu” dengan “sehabis-habis cermat dan insaf dan ikhlas” khasnya “segala alasan-alasan dan hujah-hujah” yang dikemukakan oleh ulama terdahulu.

Seterusnya, baharulah ditentukan sama ada diterima atau ditolak atau diperbaiki. Za’ba menegaskan tanggungjawab “alim ulama” ialah “menguji dan menghalusi sendiri”, bukannya semata-mata bertalid buka dengan “tiada soal jawab dan pemeriksaan yang bersendiri lagi” – terus ditelannya bulat-bulat. Alim ulama juga perlu menentukan sehingga “mana kuat atau lemahnya asas-asas keputusan” yang difatwakan oleh imam-imam Mujtahidin terutamanya dalam konteks “hal ehwal dunia yang telah berubah”, di samping diperkukuh dengan “ilmu-ilmu pengetahuan manusia yang telah bertambah”. Za’ba mahu mereka “pergi terus kepada Quran dan hadis sendiri” guna memperoleh “fahaman sendiri dan pengesahan sendiri” seperti yang dilakukan oleh ulama-ulama terdahulu juga. Oleh itu, terlahirlah ulama muktabar yang “bersendirian, bebas dan merdeka” serta tidak terikat dengan

---

33 Pendita Za’ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, hlm. 28.

34 Pendita Za’ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, hlm. 45-47.

sesiapa pun melainkan “Quran dan Hadis” yang sahih. Za’ba sedar sekadar mempertinggi makam dan memperluas cakupan ilmu serta berjihad untuk terus berjihad dalam hal-hal keagamaan, masih tidak memadai terutamanya kepada golongan “alim ulama”.

Hujah Za’ba yang paling asas dapat difahami dengan meneliti kata-katanya: Pertama, “Nabi kita saw berpesan supaya kita berpegang sendiri kepada dua pesaka [iaitu] kitab Allah dan Sunnah Rasulullah, bukan kepada kitab-kitab karangan ulama atau kepada fahaman-fahaman dan pemahaman mereka itu [semata-mata] – dengan tiada ditimbang sendiri lagi, tiada diperiksa dan dibandingkan dengan asalnya kembali [Al-Quran dan Sunnah], istimewa pula setelah sekian lama melalui zaman”. Kedua, “walau bagaimanapun alimnya orang yang diikuti itu” - mazhab dan mujtahidin yang dipertaklidkan itu, “Siapakah dapat menjamin fahaman orang-orang yang diikuti dengan buta tuli demikian itu tentu betul sahaja semuanya atau sentiasa sesuai selama-lamanya”. Oleh itu, kelemahan kedua yang ada pada “alim ulama” Kaum Tua ialah ketakjuban mereka yang melulu, tanpa berfikiran kritis dan adil, terhadap “imam-imam Mujtahidin” sehingga menyebabkan mereka merasa rendah diri dan lansung bertaklid buta sahaja dengan pendapat mereka. Ketiga, alim ulama Kaum Tua sekadar berpuas hati dengan tingkat dan bidang ilmu keagamaan yang mereka peroleh. Mereka tidak memperdalam dan memperluaskan keilmuan mereka dari semasa ke semasa, dan mengakibatkan mereka ketinggalan dalam bidang keilmuan dalam pengertiannya yang lebih meluas. Kesannya jelas merugikan: “Ilmu-ilmu Islam membeku kaku tiada bergerak dan tiada maju, dan orang-orangnya sehingga ulama-ulamanya pun ketinggalan dalam medan kemajuan fikiran dan pengetahuan[,] sebagaimana juga mereka ketinggalan dalam segala medan lain-lainnya”.<sup>35</sup> Kejumudan terhadap ilmu keagamaan itu semakin berkarat lantaran mereka tidak menggunakan ilmu itu untuk “memeriksa, menyelidik dan menimbang sendiri segala pokok yang besar-besar dan cawang yang penting di dalam ajaran Islam”.

Za’ba menerima keterbukaan dalam berbeza pendapat persis perbezaan pendapat antara alim ulama terdahulu yang bersimpang-siur. Za’ba menegaskan bahawa waris umat tidak cemas apatah lagi kecewa dengan perkembangan tersebut. Sebaliknya, Za’ba menyarankan mereka mengambil hakikat itu demi “menguatkan sifat kesendirian” untuk diri mereka sendiri. Dalam hal ini, segala kitab terdahulu perlu dijadikan sebagai “panduan, pembantu dan penerang jalan”, tetapi janganlah pula kitab-kitab itu, tegas Za’ba, “diikuti semuanya sahaja” dan pendapat-pendapat di dalamnya dianggap sebagai “arahan yang mesti diterima” belaka.<sup>36</sup> Jika diperhalusi perkembangan pemikiran keijtihadan dan antiketaklidbutaan Za’ba setakat ini, jelas Za’ba mempunyai asas keilmuan Islam yang kukuh dan meluas, meskipun beliau tidak menuntut dalam bidang pengajian Islam.<sup>37</sup>

Za’ba juga menggunakan pengetahuan sejarahnya untuk menentang fahaman bertaklid buta yang menjadi pemunca kejumudan ilmu dan kemunduran umat Islam.

35 Hakikat ini turut diakui oleh sarjana Islam tersohor seperti Ahmad Shalaby. Lihat bukunya, *Masyarakat Islam*, Pustaka Nasional, Singapura, 1976, hlm. 230-238. Buku ini hasil terjemahan Muchtar Jahja. Abdul Hamid A. Abu Sulayman, *Crisis in the Muslim Mind*, International Institute of Islamic Thought, Virmiga, United States of America, 1993, hlm. 31-43. Diterjemahkan oleh Yusuf Talal DeLorenzo.

36 Pendita Za’ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, hlm. 47-50.

37 Aspek ini pernah disentuh oleh Yusuf Qardhawi. Lihat bukunya, *Islam Sepanjang Zaman dan Semua Tempat*, Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur, 2001, Bab 2 dan Bab 3. Sidi Gazalba, *Islam dan Perubahan Sosiobudaya: Kajian Islam Tentang Perubahan Masyarakat*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, Bab 4 (“Ijtihad”).

Za'ba menyatakan sanjungan dan pengormatannya terhadap kemampuan para mujtahidin terdahulu kerana “semuanya telah bersendiri [dalam] memahami dan menimbangkan segala keterangan [Al-]Quran dan lainnya [aspek keilmuan yang lain]”. Mereka disifatkan oleh Za'ba sebagai “orang yang bebas” daripada bertaklid buta dan “merdeheka hati” kerana ketajaman akal dan keluasan ilmu” apabila “mengambil fahaman sendiri daripada Quran dan Sunnah Nabi” berserta “timbangan akal mereka sendiri” – ijtihad. Yang paling utama, “asas dan punca” pengijtihadan mereka itu (temasuklah Imam Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali) ialah “tapak yang sama dan satu juga, yakni Al-Quran dan Sunnah. Ini bermakna Za'ba tidak memisahkan antara Al-Quran dan Sunnah. Kedua-dua aset yang bersumberkan wahyu ini diiktirafnya sebagai “sama dan satu”. Dalam konteks ini, sumber syariat Islam yang tertinggi ialah (1)“al-Quran dan Sunnah”, bukannya dalam susunan (1)Al-Quran dan (2)Sunnah. Yang membezakan mereka ialah “cara mereka memahamkannya” berdasarkan “pengetahuan dan timbangan mereka sendiri” yang bersesuaian dengan “kehendak zamannya dan hal-hal di kelilingnya masing-masing”.<sup>38</sup>

Seterusnya, muncul pula pelbagai tokoh ilmuan (ulama) dalam pelbagai bidang ilmu (keagamaan dan keduniaan), dan terbentuklah pelbagai mazhab<sup>39</sup> termasuklah tasawuf, hadis, bahasa, falsafah dan mantiq.<sup>40</sup> Oleh itu, Za'ba menegaskan ijtihad sangat diperlukan dalam kesemua bidang ilmu lantaran dengan terus berjihad, beliau percaya pendapat, pendirian, pegangan dan kefahaman yang “lebih baik”, “lebih tepat” atau “sekurang-kurang[nya] sama baiknya dengan fahaman orang lain” pasti dapat dicungkilkembangkan dari semasa ke semasa.<sup>41</sup> Natijahnya, “pintu akal dan mata hati” umat Islam terus berkembang maju khasnya dalam bidang ilmu pengetahuan. Inilah tugu teladan yang termestinya diikuti oleh umat Islam dewasa itu. Justeru, Za'ba mencabar pula “orang-orang alim Islam” khasnya ulama Kaum Tua di Tanah Melayu supaya “mengeluarkan pengetahuan-pengetahuan baharu” dan “pendapat-pendapat baharu yang belum ada dikeluarkan orang dahulu daripada mereka” dengan “pemahaman-pemahaman baharu dan kesimpulan-kesimpulan baharu” yang bersumberkan “Quran dan Hadis yang sahih”. Za'ba juga menggesa ulama Kaum Tua supaya mencontohi “ulama-ulama Islam yang besar-besar zaman dahulu” kerana mereka telah “mengeluarkan sesuatu yang baharu dan tersendiri”. Tegas Za'ba lagi, “itulah “kemajuan” namanya dan begitulah yang dikatakan sumbangan yang “original””.<sup>42</sup>

Seterusnya, Za'ba membidas kejumudan “orang-orang alim Islam” terutamanya ulama Kaum Tua yang sezaman dengannya:

Pada zaman-zaman yang akhir ... hampir-hampir semuanya [ulama] di serata dunia tidak lagi mempunyai semangat kesendirian[,] kebolehan dan kelayakan untuk berbuat [berjihad] ... Ya, jika dicari sangat sedikit boleh didapati [ulama] yang tahu [luas pengetahuan] dan boleh bersendiri [berijtihad], atau berani bersendiri; melainkan di mana-mana pun akan didapati mereka itu [ulama jumud] hanya biasa bertaklid sahaja dan kebanyakan daripada [mereka] itu pula ialah bertaklid

---

38 Pendita Za'ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, hlm. 31.

39 *Ibid.*, hlm. 28.

40 *Ibid.*, hlm. 31-32.

41 *Ibid.*, hlm. 30.

42 Pendita Za'ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, hlm. 32-33.

buta! Malangnya jika ada siapa-siapa yang mencuba berbuat seperti pakar-pakar Islam dahulu kala itu - iaitu melepaskan diri daripada kongkongan taklid dan balik kepada Quran dan Hadis dengan kehendak-kehendak zaman dan hal-hal keadaan yang telah berubah sekarang – maka terus dilempar [oleh] mereka [ulama jumud] akan dia [ulama mutakhir] dengan kata-kata yang tidak selayaknya seperti “sesat dan menyesatkan” memandai-mandai, membawa bidah, mengubah-ngubah daripada jalan yang telah diatur oleh pakar-pakar dahulu kala itu (nenek moyang), tidak ada rupa [kelayakan] hendak melebihi daripada orang dahulu-dahulu” ... Yang betulnya, [ulama Kaum Tua itu sendiri] duduklah juga membeku [ilmu dan pemikiran] di tempat yang ada itu!! Mungkin juga kerana mereka sendiri [ulama Kaum Tua] tiada upaya membuatnya maka mereka tidak suka kalau ada orang lain pula dapat berbuat [berijtihad – mungkin disebabkan iri hati jika adanya orang yang lebih arif daripada mereka?].<sup>43</sup>

Za’ba mengakui adanya kesan negatif ekoran perembangan pelbagai mazhab pada zaman tersebut<sup>44</sup> kerana terdapatnya sesetengah mazhab yang “sampai kepada had mengkufurkan” dan “menghukumkan sesat” terhadap mazhab yang lain.<sup>45</sup> Mengapakah keadaan ini berlaku? Menurut Za’ba: “pemuka bagi masing-masing puak [mazhab] itu pada masing-masing menerbitkan pendapat sendiri daripada punca-punca ringkas yang diberi dalam Quran dan dalam hadis-hadis yang merek anggap benar”.<sup>46</sup> Za’ba merujuk “imam-imam pendiri mazhab” itu sebagai “Mujtahid mutlak” yang mengasaskan mazhab masing-masing “bersungguh-sungguh menjalan-jalannya [menjalankan] ijtihad” dengan “berlainan kaedah”nya pula antara satu mazhab dengan mazhab yang lainnya.<sup>47</sup> Sebenarnya, pengasasan kepelbagaian mazhab itu sendiri bukanlah diasaskan oleh para imam mujtahidin; tetapi pemazhaban itu terbentuk akibat daripada sikap fanatik dan taklid buta para pengikut terhadap imam mujtahidin masing-masing. Mereka menyangka hanya ijtihad imam mereka sahaja yang tepat dan benar.<sup>48</sup> Inilah keberbahayaan akibat daripada sikap fanatik, dan sumber fanatisme ini pula amalan bertaklid buta. Za’ba amat menyedari keberhayaannya terhadap gagasan kebangkitan semula *ummah*, seperti yang telah dibincangkan. Justeru, jika dilihat daripada perspektif pemikiran Za’ba, prasyarat kebangkitan dan kemajuan *ummah* ialah pembebasan pemikiran, kemerdekaan jiwa dan kemandirian *ummah* secara kolektif – bersatu di bawah naungan Al-Quran dan panji Sunnah, sebagai umat terbaik yang diutuskan kepada manusia: umat terpilih dan bersederhana.

---

43 Pendita Za’ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, hlm. 33.

44 *Ibid.*, hlm. 29.

45 *Ibid.*, hlm. 30. Ahmad Shalaby juga pernah membicarakan aspek yang sama menerusi huraian tentang “Agama dipakai sebagai alat untuk mengkafirkan orang”. Lihat bukunya, *Masyarakat Islam*, Pustaka Nasional, Singapura, 1976, hlm. 239-243.

46 Pendita Za’ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, hlm. 30.

47 *Ibid.*, hlm. 29.

48 Untuk kupasan lanjut, lihat (misalnya) Ali Ahmad, *Islam Sepanjang Zaman*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, Bab 3. Buku ini hasil terjemahan Dusuki Ahmad.

## Keberhikmahan Ilmu dan Kerahmatan Mazhab: Fanatisme Mazhab dan Fahaman Mujtahidin Tersohor

Mengapakah umat Islam tidak bermaya menuntut ilmu dan hilang keupayaan berjihad? Pertama, mereka berpendapat kononnya ilmu ulama terdahulu lebih tinggi daripada ilmu ulama yang ada sekarang. Oleh itu, apa perlunya mereka menuntut ilmu kerana pada akhirnya ilmu mereka itu disangkakan tidak akan setanding dengan ilmu ulama terdahulu! Sangkaan sontoloyo seperti inilah yang membantutkan *izzah* ilmu keagamaan. Antara punca utamanya ialah akibat daripada sikap bertaklid buta dengan ulama-ulama terdahulu yang sekaligus menyebabkan kemandulan ilmu keagamaan, dan umat Islam pula terus diperhambabkan dalam genggamannya kuasa kolonial Barat.<sup>49</sup> Anehnya, dari segi ilmu keduniaan, jelas umat terdahulu telah jauh ketinggalan terutamanya dari segi pencapaian sains teknologi kerana mereka tidak bertaklid dalam ilmu keduniaan – ilmu ini bercambah dan berkembang zaman berzaman. Hakikatnya, “orang-orang kemudian selain daripada boleh mendapat segala ilmu orang dahulu-dahulu itu” dan mereka “boleh pula mendapat ilmu-ilmu tambahan lain lagi yang baharu”. Sebaliknya, “Orang-orang dahulu [yang] sudah mati” tidak pula mendapat ilmu “tak dapat ilmu-ilmu baharu yang telah terbit dibukakan Tuhan kepada manusia” sepeninggalan mereka. Malah, “ilmu-ilmu baharu yang ada pada orang-orang kemudian” dan “akan datang kemudian lagi”, “nyatalah tidak akan dapat kepada orang dahulu-dahulu itu kerana mereka itu tidak ada lagi”. Kelebihan orang terkemudian itu ialah mereka dapat mengkaji semula kitab-kitab ilmu terdahulu, di samping mengembangkannya dan memperluaskannya dengan ilmu-ilmu yang diperoleh pada zaman sekarang. Oleh itu, anggapan kononnya ilmu ulama terdahulu terlalu agung tiada tandingan lagi, seharusnya dikikis kerana tidak ada nas dalam Al-Quran dan Hadis yang mengesahkannya. Islam mengakui kemajuan, bukannya kemunduran ilmu. Za’ba mengecam anggapan ini sebagai “kuno dan kolot” lantaran merugikan umat Islam dan ilmu keislaman.<sup>50</sup>

Memetik kata-kata Za’ba: “[T]erlebih dahsyat lagi pula dikatakan ilmu manusia sentiasa semakin kurang daripada orang dahulu-dahulunya!” Sekiranya benar pendapat ini, “manusia seluruhnya pada akhir-akhirnya sama seperti Orang Liar” sedangkan manusia “bertambah pandai dan bertambah baik dari satu masa ke satu masa pada apa-apa perkara jua” melainkan umat Islam yang ketinggalan pada serba-serbinya khasnya ilmu pengajian Islam. Za’ba menangkis pendapat sesat yang mengatakan ilmu ulama terdahulu kesemuanya tidak ada bandingannya; walhal “imam-imam yang besar dahulu kala itu pun, [mereka] tidak juga meliputi tahu [mengetahui] semua ilmu yang telah ada dibukakan Allah pada zamannya itu”. Za’ba mempersoalkan, jika begitu benar hebatnya “orang-orang terdahulu” itu, “Sudah habiskah makna Quran itu dikeluarkan oleh mereka?”<sup>51</sup>

---

49 Masalah yang sama juga berlaku (misalnya) di Algeria. Umat Islam di sana mengatakan: “Kita tidak dapat melakukan apa-apa, kerana kita jahil. Kita tidak dapat mencapainya, kerana kita miskin. Kita tidak dapat melakukan kerja ini, kerana terdapat penjajahan”. Dipetik daripada Malek Bennabi, *Islam Dalam Sejarah Dan Masyarakat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 106. Semangat yang selesu itu juga tercerap di seluruh dunia Islam pada zaman imperialisme Barat.

50 Pendita Za’ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, hlm. 38-39.

51 *Ibid.*, hlm. 40.

Kelebihan ulama terdahulu, ujar Za'ba lagi, ialah sikap mereka yang tidak bertaklid buta dan justeru kerana itu, dimensi ilmu pengetahuan mereka berkembang dengan pesat.<sup>52</sup> Lantaran itulah, Za'ba menyarankan: "Ilmu pengetahuan itu boleh didapati jika dituntut dan diusahakan mencarinya bersungguh-sungguh. Kita wajib dapat ilmu pengetahuan itu: Jika tidak lebih pun sekurang-kurangnya sama atau hampir sama seperti orang-orang ahli ilmu kita yang telah lalu ...".<sup>53</sup> tegasnya lagi, "Dengan demikian baharulah boleh kita bersaing dengan mereka itu" sama ada ulama terdahulu mahupun ilmuan Barat kontemporari! Za'ba menegaskan bahawa tidak ada pengecualian dalam menuntut ilmu dan berijtihad melainkan mereka yang gila atau kurang siuman. Jelas, Za'ba tidak mahu umat Islam terus membiarkan diri mereka terbelenggu dalam kejahilan dan kejumudan; selagi mereka mampu menuntut ilmu kerana "tidak ada apa-apa halangan yang "mesti" menyekat kita".<sup>54</sup>

Kedua, tertutupnya pintu ijtihad kononnya bimbang akan muncullah "seribu macam faham[an]". Akibatnya, "nescaya menjadikan pecah-belah" dan konon akhirnya, "binasalah Islam!" Za'ba menyangkal kekhuatiran itu dengan menggunakan empat hujah. Pertama, bukan dalam kesemua perkara ijtihad yang baharu harus dikeluarkan; hanya pada nas yang kabur dan umum atau yang tidak terdapat langsung dalam Al-Quran dan Sunnah. Kedua, perselisihan hanyalah berlaku dalam perkara cabang sahaja, sedangkan pada "segala perkara yang besar-besar mereka tetap bersefahaman dan bersetuju". Ketiga, mustahil umat Islam tersesat kesemuanya kerana mereka masih mempunyai Al-Quran dan Sunnah, dan mustahil pula umat Islam seluruhnya menyokong fahaman dan ajaran yang sesat seperti mazhad Jabariah dan agama Bahai.<sup>55</sup>

Hujah terakhir, dari aspek perbezaan mazhab dan rahmat Allah terhadap umat Islam itu sendiri akibat perbezaan ijtihad,<sup>56</sup> Za'ba menjelaskan:

Perselisihan faham mazhab-mazhab pada perkara *furu* sememangnya baik; kerana ia memberi lega dan lapang ..., meluaskan tempat beredar dan berkisar, menyenangkan bergerak dan berpindah-pindah di dalamnya. Yang demikian adalah memberi peluang kepada pengiku-pengikut Islam memilih mana yang kemudahan dan mana yang lebih berkenaan pada hatinya: sesak di sini boleh ke sana, dan sempit di situ boleh ke sini, kerana semuanya itu dikira betul dan jalan Islam belaka; asas dan usulnya tidak berlainan [tetap Al-Quran dan Sunnah].<sup>57</sup>

Za'ba memetik hadis yang menyatakan, "perselisihan faham di antara orang-orang umatku ialah rahmat daripada Tuhan" seraya menegaskan:

---

52 *Ibid.*, hlm. 38-39.

53 *Ibid.*, hlm. 38.

54 Pendita Za'ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, hlm. 38.

55 *Ibid.*, hlm. 41-42. Mengenai latar belakang dan sejarah kemunculan agama-agama baru yang diadaptasikan dengan Islam, termasuklah Qadiani dan Bahai, lihat (misalnya) Ali Abdul Halim Mahmud, *Invasi Pemikiran dan Pengaruhnya Terhadap Masyarakat Islam Masakini*, Pustaka Nasional, Singapura, 1989, Bab 2 (Pasal 3).

56 Lihat juga penjelasan Ahmad Shalaby tentang "Mazhab-mazhab itu sebetulnya rahmat tetapi telah jadi sumber bencana", menerusi bukunya, *Masyarakat Islam*, Pustaka Nasional, Sinagapura, 1976, hlm. 244-248.

57 Pendita Za'ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, hlm. 42-43.

Hanyalah orang-orang kemudian yang kurang pengenalan sahaja [fanatik mazhab dan bertaklid buta dengan mujtahidin] telah menyempitkan dan kawasan ini [mazhab] dengan menghukumkan tidak boleh berpindah-pindah dari satu mazhab kepada lain mazhab [kononnya] jika tidak diketahui semuanya kaedah-kaedah tiap-tiap mazhab itu sebagaimana ahli-ahlinya [pakar] sendiri. Padahal kita dan kebanyakan orang alim kita pun, [untuk memperdalam] pengajian atau mazhab Syafie atau Hanafi sahaja pun tidak boleh terhabiskan seumur hidup! Sesungguhnya inilah pandangan orang yang sempit hatinya, sempit fikirannya dan sempit kira-kira [pertimbangan rasional] – orang yang tiada harapan boleh maju dan bersendiri dalam hal ehwal pengajian agamanya!!<sup>58</sup>

Za'ba benar-benar mengerti kepentingan ilmu (termasuklah akal yang sihat dan tajam) seperti yang terpatri dalam Al-Quran dan Sunnah. Malah, Za'ba menyandarkan hujah-hujahnya berdasarkan kedua-dua punca tertinggi itu sendiri. Za'ba acap kali menegaskan peri mustahaknya umat Islam menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh supaya mereka dapat berjihad dengan kemampuan masing-masing “pada perkara agama dan dunia” sekali gus. Berbekalkan dua “perkakas” ini – ilmu dan ijtihad “bersendiri” – seluruh umat Islam diseru mengikis “jalan fikiran” yang “kuno dan kolot” serta “lapuk dan reput”; seterusnya berjihad dengan “fikiran-fikiran baharu yang segar dan hidup” berpandukan “Quran bersendi akal dan ilmu pengetahuan”, di samping Sunnah Rasulullah (saw). Za'ba menegaskan “Kita mahu pemulihan dan pembaharuan” pada “segala yang baik”, bukannya “berkokok pada jalan yang telah hanyut”. Rujukan Za'ba ialah pemikiran ulama jumud termasuklah ulama Kaum Tua di Tanah Melayu yang terus “berdegil hendak menyimpan jalan fikiran lama yang telah membeku jadi adat dan kepercayaan-kepercayaan lama yang sudah berkulat dan bercendawan!”<sup>59</sup>

## Khatimah

Beberapa persoalan dan permasalahan yang disentuh oleh Za'ba menerusi *PBKDS* (Risalah II) seperti yang dibincangkan di atas, jika diperhalusi, bukanlah sekadar bersabit asas-asas agama yang penting, malah Za'ba berusaha mengupasnya berdasarkan pengetahuan dan kefahamannya terhadap aspek yang ditekuninya, dan kesan pemberatan hasil perbincangannya itu, terutamanya dalam rencana memahami alur dan jalur pemikiran Islam Za'ba sebagai seorang reformis (perhatian: bukannya moden Islam!), dapat juga dikesani. Justeru, keberadaan *PBKDS* dengan sendirinya memangkinkan kefahaman mengenai dekadensi dunawi ummah dengan lebih dekat dari perspektif pemikiran Za'ba. Melihat kepada hakikat pribumi Melayu yang masih rendah tahap pendidikan dan kapasiti keintelektualannya dewasa

---

58 *Ibid.*, hlm. 43.

59 Pendita Za'ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, hlm. 38. Sebagai perbandingan, lihat juga kupasan sarjana Islam tempatan mengenai persoalan ijtihad selepas 30 tahun kepergian Za'ba seperti yang diusahakan (antaranya) oleh Faisal Othman, *Islam Dan Perkembangan Masyarakat*, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur, 1997, Bab 2 - Bab 5. Memetik kata-kata sarjana itu, “Penyelidikan ilmiah di peringkat universiti dalam apa jua bidang kajiannya adalah merupakan suatu proses pelaksanaan ijtihad dalam ertinya yang luas. *Ibid.*, hlm. 31.

itu, dapat dirasakan bahawa bukanlah mudah untuk mencungkil inti pati dan memahami pemikiran Za'ba. Bagaimanapun, nekad Za'ba tegas malah ikhlas: Za'ba menulis untuk memberikan kesedaran dan kefahaman perihal keberbahayaan penyakit bertaklid buta dan wabak fanatisme kemazhaban terhadap kemunduran dan persengketaan *ummah* yang masih belum berpenghujung. Kesemua bangkai dukacita ini diperhatikan oleh Za'ba dengan sikap pertanggungjawaban, sebagai intelektual Muslim yang berjiwa Islam, terhadap nasib dan masa depan *ummah*.